

04 MAY 2001

Ghani-Elektrik

BEKALAN ELEKTRIK SEPENUNYA AKAN DICAPAI TAHUN DEPAN, KATA MB

PASIR GUDANG, 4 Mei (Bernama) -- Kerajaan negeri Johor hari ini memberi jaminan bahawa bekalan tenaga elektrik ke seluruh negeri itu termasuk di kawasan pedalaman dan pulau-pulau akan dapat dibekalkan sepenuhnya menjelang tahun depan.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata, matlamat untuk memenuhi keperluan sepenuhnya bekalan tenaga elektrik ke seluruh negeri itu akan tercapai, apabila 44 lokasi yang dikenal pasti masih mengalami masalah gangguan bekalan elektrik diselesaikan dalam tempoh dua tahun lagi.

"Sehingga kini, sebanyak 24 lokasi termasuk kawasan pedalaman di Daerah Mersing dan Segamat serta empat pulau di negeri ini dijangka akan dapat mengatasi masalah gangguan bekalan elektrik dalam tahun ini," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran Skim Taman Perumahan TNB di sini, hari ini.

Menurut Abdul Ghani sebanyak RM10.2 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah gangguan bekalan elektrik di 44 lokasi terbabit dan daripada jumlah itu sebanyak RM2 juta ialah bagi 24 lokasi yang akan diselesaikan tahun ini.

Selebihnya, sebanyak RM8.2 juta ialah bagi mengatasi masalah bekalan elektrik di 20 lokasi lain tahun depan, katanya.

Katanya, sekiranya semua lokasi terbabit yang mengalami masalah gangguan bekalan elektrik itu dapat diatasi sepenuhnya mengikut jadual, maka Johor akan mempunyai prasarana bekalan elektrik yang menyeluruh dan mencukupi, mulai tahun depan.

Di majlis itu, Abdul Ghani turut mengadakan tele-persidangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat Ibu Pejabat TNB di Bangsar, Kuala Lumpur pagi tadi.

Tele-persidangan itu diadakan sempena pelancarkan serentak projek TNB termasuk Unit No.5 Stesen Jana Elektrik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Kapar, Kampus Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) di Bandar Muadzam Shah, Pahang, Kedai Tenaga PROSPER di Taman Tun Dr Ismail dan Skim Taman Perumahan TNB di Pasir Gudang.

Mengenai Skim Taman Perumahan TNB itu, Abdul Ghani berkata sebanyak 115 unit rumah akan dibina untuk kakitangan TNB yang bertugas di Johor Bahru dan Pasir Gudang.

Sementara itu, Abdul Ghani ketika diminta mengulas laporan akhbar mengenai pengumuman kerajaan yang memberikan kelonggaran kepada rakyat asing untuk membeli semua jenis hartanah berharga lebih RM250,000 seunit tanpa mengira baru atau lama di negara ini, beliau berkata,

"Kerajaan negeri berharap kelonggaran syarat pemilikan hartanah oleh rakyat asing itu dapat menjanakan semula sektor hartanah bernilai tinggi termasuk kediaman yang tidak terjual di negeri ini".

Katanya, sehingga kini Johor mempunyai hartanah bernilai tinggi yang tidak terjual berjumlah lebih RM1.7 bilion yang juga menyumbang sebanyak 24 peratus daripada keseluruhan nilai hartanah yang tidak terjual di peringkat nasional.

"Saya percaya ramai rakyat asing dari negara jiran (Singapura) akan mengambil peluang untuk membuat pelaburan di Johor kerana sebelum ini kerajaan mensyaratkan hartanah atau rumah kediaman berharga lebih RM350,000 layak dibeli oleh rakyat asing selain beberapa syarat-syarat lain," katanya.

-- BERNAMA

RAM RI